

IQRA'

BIL. 8/2025
OGOS



Program Telaah : Resensi Buku Kupas Isu Kegagalan dan Kesejahteraan Diri

Disediakan oleh: Rafidah Muhammad Sam, Pembantu Pustakawan Kanan
Kampus: PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang Kampus Permatang Pauh



15 Ogos 2025 – PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang (UiTM CPP) telah menganjurkan Program Telaah : Resensi Buku yang berlangsung secara siaran langsung melalui YouTube PTAR UiTM CPP. Program ilmiah ini menampilkan dua panel wacana iaitu Puan Shahirah Khairudin, Penolong Akauntan Kanan Pejabat Bendahari UiTM CPP dan Puan Suhaiza Hasan, Pensyarah Kanan Jabatan Sains Gunaan UiTM CPP

Puan Shahirah Khairudin telah membincangkan buku bertajuk *Failosophy: A Handbook For When Things Go Wrong* karya Elizabeth Day, yang menekankan bagaimana kegagalan bukanlah penamat kehidupan, sebaliknya peluang untuk pembelajaran dan perkembangan diri.

Sementara itu, Puan Suhaiza Hasan mengulas buku *Mungkin, Hari Ini Hari Malas* karya Dancing Snail (terjemahan Nurin Nazihah) yang mengangkat mesej tentang pentingnya menerima kelemahan diri, beristirahat, serta berbelas kasihan terhadap diri sendiri.

Melalui penganjuran program ini, PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang terus memperkukuh peranannya sebagai pusat ilmu dan wacana intelektual, sekali gus menyediakan platform kepada warga universiti dan komuniti setempat untuk menghayati kandungan bahan bacaan melalui perkongsian panel yang berinformasi.

BULETIN IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
SHAH ALAM



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Tun Abdul Razak



@libraryuitm



@libraryuitm



@perpustakaanuitm



@uitmlibrary



@perpustakaanuitm

Hubungi kami:



03 5521 1704



korporatptar@uitm.edu.my



Unit Korporat dan Kolaborasi,
Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR),
UiTM Shah Alam.



library.uitm.edu.my